

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 17, 2019 8:41 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lebih Seronok Belajar Dengan Aplikasi Interaktif Cerdik BM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 OKTOBER 2019 / 18 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Dr. Nurulwahida Azid @ Aziz

Lebih Seronok Belajar Dengan Aplikasi Interaktif Cerdik BM



UUM ONLINE: Sebagai seorang pendidik sudah pasti akan berasa sedih apabila melihat statistik menunjukkan 50,235 atau 11 peratus murid Tahun Satu di Malaysia masih tidak dapat menguasai Bahasa Melayu.

Fenomena ini menyuntik inspirasi kepada Dr. Nurulwahida Azid @ Aziz dan Prof. Madya Dato' Dr. Nuraini Yusoff untuk menyumbang kepada anak bangsa sehingga terhasil produk penyelidikan iaitu 'Cerdik BM'.

Lebih membanggakan, dedikasi mereka tanpa mengenal erti penat dan jemu itu berjaya meraih Anugerah Emas pada Persidangan dan Expo Antarabangsa Ciptaan Institut Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2019 yang berlangsung di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Johor, baru-baru ini.

Dr. Nurulwahida berkata, dia terpanggil untuk membina alat pedagogi bagi membantu murid menguasai Bahasa Melayu dengan mudah melalui pembelajaran yang menyenangkan.

"Produk Cerdik BM Siri 1 ini sangat menarik kerana aplikasi interaktif itu menggabungkan lima elemen multimedia iaitu teks, grafik, animasi, audio dan video yang dicipta khas untuk murid yang tidak menguasai Literasi Bahasa Melayu (LINUS).

"*Fun learning environment* telah dicipta bagi menarik minat pelajar untuk belajar selain penginterasian virtual games based learning dalam aktiviti pembelajaran juga menjadi tarikan guru dan pelajar," kata pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) itu.

Menurutnya, cabaran yang dihadapi semasa menyiapkan projek daripada *research based* itu ialah dengan memastikan aplikasi interaktif ini selaras dengan teori dan modul yang boleh diterima pakai di seluruh dunia.

Katanya, masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan projek ini pula hanya tujuh bulan sahaja dan mencabar diri kami berdua kerana pembinaan aplikasi itu turut mengambil kira tujuh jenis kecerdasan pelbagai kanak-kanak.

"Alhamdulillah, sambutan terhadap produk ini amat menggalakkan terutamanya dalam kalangan guru-guru berkeperluan khas di Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar, Kedah serta Pasir Gudang, Johor.

"Kini, produk Cerdik BM sudah memasuki pasaran dan dipasarkan dalam bentuk *pendrive* yang mana setakat ini 150 unit *pendrive* telah terjual," katanya.

Sementara itu, Dato' Nuraini mengakui menimba banyak pengalaman sepanjang terlibat dengan projek ini antaranya dapat bekerjasama dengan agensi luar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda negara ini.

"Saya bersyukur dan perasaan semestinya amat teruja kerana dapat membantu murid-murid mempelajari Bahasa Melayu dan membantu guru-guru bagi melancarkan proses pengajaran dan pemudahcaraan dalam mengajar murid-murid yang tidak melepasi saringan literasi Bahasa Melayu.

"Harapan saya pada masa akan datang adalah kami diberi dana seumpama ini oleh KPM dan DBP bagi membantu murid-murid dan generasi akan datang dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu dan menghapuskan buta huruf dalam kalangan kanak-kanak," katanya.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.